

KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**PENCAPAIAN TINDAKAN BERSEPADU “OPS MEGA” DALAM
MENANGANI PENINGKATAN KES DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

DAN

PERASMIAN

**INISIATIF KAWALAN DENGGI DI LOKALITI HOTSPOT BERSAMA
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Pada 2 Julai 2014 yang lalu, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Khas Denggi yang melibatkan pelbagai kementerian. Pasukan Petugas Khas Denggi ini adalah diurusetikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan turut dianggotai oleh tujuh kementerian lain iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Dalam Negeri serta semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pada bulan Mei, sekali lagi kes denggi meningkat dengan ketara selepas peningkatan pertama yang berlaku pada bulan Januari dan Februari tahun ini. Peningkatan ini mencatatkan kes yang dilaporkan sehingga melebihi 3,000 kes seminggu pada awal bulan Julai. Dengan situasi tersebut, pada 14 Julai 2014 Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014 yang

dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diaktifkan. Jawatankuasa yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan

Dalam mesyuarat tersebut satu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi bagi pencegahan dan kawalan denggi bersepadu telah di persetujui untuk dilaksanakan bermula 14 Julai 2014. Pelan tindakan atau operasi "Ops Mega" ini dilaksanakan di tiga buah negeri yang menyumbang kes denggi tertinggi iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan untuk tempoh 2 bulan dan telah pun berakhir pada 14 September 2014.

Pelan tindakan bersepadu ini mempunyai *Key performance indikator (KPI)* yang di laksanakan dan dipantau oleh Kementerian dan agensi terlibat. Aspek utama pencegahan dan kawalan denggi yang diberi tumpuan adalah;

- i. Pengesanan dan notifikasi kes denggi dengan segera termasuk penggunaan Dengue Rapid Test Kit di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta.
- ii. Meningkatkan kualiti pengurusan kes denggi dengan perkhidmatan klinik luar waktu operasi (*Extended hours*) dan mengguna rekod pemantauan kes denggi (*Home Based Card*) di hospital, klinik swasta dan kerajaan.
- iii. Aktiviti kawalan terhadap semua kes dan kawasan wabak denggi dilaksanakan dengan berkesan.
- iv. Aktiviti pengurangan tempat pembiakan (*source reduction*) dilaksanakan secara menyeluruh.
- v. Pendidikan dan advokasi kesihatan dilaksanakan secara optimum.
- vi. Mengaktifkan aktiviti COMBI.

Hasil dari pelaksanaan pelan tindakan ini telah menghasilkan satu impak yang positif. Ketiga-tiga negeri yang terlibat telah menunjukkan tren penurunan bagi kes mingguan dan wabak yang dilaporkan seterusnya berjaya mengurangkan bilangan kes keseluruhan. Dalam tempoh 2 bulan, Negeri Sembilan telah berjaya menurunkan kes sebanyak 51%, Selangor berjaya menurunkan kes sebanyak 48% dan WP Kuala Lumpur sebanyak 36%.

Pada masa yang sama, Kelantan juga telah menunjukkan peningkatan kes yang ketara dan menjadi salah satu penyumbang kejadian kes denggi yang tinggi. Pada 17 Ogos 2014, pelaksanaan pelan tindakan bersepadu telah diperluaskan ke Kelantan dan diteruskan sehingga 30 September 2014. Selepas 4 minggu pelan tindakan bersepadu dilaksanakan, Kelantan juga telah menunjukkan tren penurunan kes mingguan dan berjaya menurunkan kes sebanyak 62%.

Di samping itu, "Ops Mega" turut memberi kesan kepada kawasan hotspots dan wabak. Bilangan hotspots di Lembah Klang telah berjaya dikurangkan dari 94 kawasan kepada 58 kawasan. Manakala sejak 5 minggu lalu, tiada kawasan hotspots dilaporkan di Seremban. Bagi meneruskan kesinambungan operasi "Ops Mega", tindakan bersepadu oleh Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian yang dipengerusi oleh Ketua Pengarah Kesihatan bersama 6 Kementerian lain, akan di laksanakan di peringkat negeri dan diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Mesyuarat dan tindakan bersepadu dilakukan secara bersama terutama apabila berlaku wabak atau hotspots.

Kementerian Kesihatan juga telah mengatur satu lagi inisiatif dalam pencegahan dan kawalan denggi iaitu Inisiatif Kawalan Denggi Di Lokaliti Hotspot Bersama Institusi Pengajian Tinggi. Inisiatif ini adalah dengan kerjasama fakulti perubatan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta dimana, setiap IPT diberikan satu lokaliti hotspot denggi untuk dilaksanakan intervensi pencegahan dan kawalan denggi. Sehingga kini terdapat 16 buah IPT Awam dan Swasta telah bersetuju mengambil bahagian. Pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan tahniah kepada semua IPT yang terlibat ini dan kerjasama ini amat dihargai.

IPT yang terlibat telah merangka aktiviti pencegahan yang bersesuaian dengan inovasi masing-masing untuk dilaksanakan di lokaliti hotspot denggi. Diharapkan usaha bersama dan penglibatan masyarakat ini akan mengurangkan kes denggi di negara kita. Perasmian Inisiatif Kawalan Denggi Di Lokaliti Hotspot Bersama Institusi Pengajian Tinggi yang dilancarkan pada hari ini adalah untuk menghargai usaha IPT yang terlibat dan sebagai pemancing kepada masyarakat untuk terlibat dalam pencegahan denggi.

YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

24 September 2014

Bil	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. sehingga 21 September 2014		Jumlah Kes Terkumpul untuk tempoh sama bagi 2013	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	181	0	173	1
2	Kedah	750	5	611	1
3	Penang	1,516	5	593	2
4	Perak	3,997	9	1,313	1
5	Selangor	36,570	55	10,051	12
6	WPKL & Putrajaya	5,360	13	1,563	7
7	N Sembilan	3,031	6	469	0
8	Melaka	1,931	5	570	3
9	Johor	4,175	19	2,854	11
10	Pahang	1,165	4	447	1
11	Terengganu	947	1	326	0
12	Kelantan	12,525	15	1,003	2
13	Sarawak	1,234	3	995	3
14	Sabah	942	3	476	1
15	WP Labuan	11	0	9	0
	Malaysia	74,335	143	21,453	45

**PELANCARAN INISIATIF KAWALAN DENGGI
BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI
LOKALITI HOTSPOTS**




**PERASMIAN OLEH YB DATUK SERI DR
S.SUBRAMANIAM**


**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
24 SEPTEMBER 2014**



TREN KES DENGGI MINGGUAN DI MALAYSIA TAHUN 2013 DAN 2014 (sehingga 20 September 2014)





AKTIVITI PELAN TINDAKAN JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN MENGENAI DENGGI



PENCAPAIAN & AKTIVITI

OPS MEGA

LOKALITI WABAK DAN HOTSPOT DI LEMBAH KLANG TAHUN 2014 (Sehingga 20 September)



Bil.	Negeri	Daerah	Lokality	Universiti
1	Selangor	Gombak	Hulu Kelang	Universiti Sains Islam Malaysia
			Kampus Selayang UiTM	Universiti Teknologi MARA
		Hulu Langat	Kampung Sungai Raya	ASIA Metropolitan University
			Evergreen Scotpine Bandar Sungai Long	Universiti Tunku Abdul Rahman
			Apartment Taman Setia Balakong	Cyberjaya University College Medical Sciences (CUCMS)
		Petaling	Kelana Jaya	Lincoln University College
			Taman Medan	MAHSA University
			Taman Pinggiran Putra Taman Lestari Perdana	Perdana University
			Kampus Universiti SEGi PJU 5 Seksyen 3, Cova Villa	SEGi University
			PJU 1A Ara Damansara	Taylor's University
PJS 11-17	Universiti Malaya			
		Seksyen 13, Shah Alam	Management & Science University	
2	Kuala Lumpur	Titiwangsa	Setapak Garden	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
		Cheras	Sri Petaling, Bukit Jalil	International Medical University
3	Negeri Sembilan	Seremban	Rasah	
4	Pahang	Kuantan	Felda Pancing Timur	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
5	Kelantan	Kota Bharu	Desa Rahmat	Universiti Sains Malaysia